

18 FEB 1997

Mahathir-Balak

PERDANA MENTERI TUNGGU LAPORAN PENYELUDUPAN BALAK DI SABAH

KOTA KINABALU, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau belum dapat menentukan sama ada kes penyeludupan balak di Sabah "serius atau sebaliknya".

Katanya setakat ini beliau belum menerima laporan siasatan polis dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) berhubung kes itu. "Kita tunggulah," katanya.

Mengenai pertindihan kuasa Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam soal kelulusan eksport balak dari Sabah, beliau berkata kedua-dua kerajaan Persekutuan dan negeri mempunyai bidang kuasa yang tertentu.

"Memang ada kuasa kerajaan negeri dan ada juga kuasa kerajaan Pusat, dan kalau kita tiada pihak ketiga untuk menyiasat perkara ini, kita tidak boleh tahu sama ada terdapat pertindihan atau tidak dalam melaksanakan sesuatu dasar," katanya pada persidangan berita sebelum kembali ke Kuala Lumpur.

Isu penyeludupan balak di Sabah timbul apabila Jabatan Perhutanan negeri merampas 3,049 balak di Tawau pada 18 Jan lepas kerana dipercayai cuba dibawa keluar tanpa kebenaran.

Isu itu turut menimbulkan pertelagahan antara Timbalan Ketua Menteri Datuk Ghapur Salleh dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang masing-masing mendakwa mempunyai kuasa untuk meluluskan eksport balak dari Sabah.

Mengenai pertemuannya dengan Badan Perhubungan Umno Sabah pagi ini, Dr Mahathir berkata, ia adalah untuk memberi penjelasan berhubung falsafah dan perjuangan Umno.

Mengenai perjumpaannya dengan pemimpin gereja di Sabah, Perdana Menteri berkata, ia bertujuan menjalin persefahaman antara gereja dan kerajaan bagi memudahkan dasar-dasar kerajaan diperjelaskan, terutama yang berkaitan dengan soal kebebasan beragama.

"Saya terangkan betapa pentingnya sikap toleransi dan perlu diingat bahawa Malaysia mempunyai penduduk berbilang agama dan masing-masing perlu sanggup bertolak ansur," katanya.

Beliau berkata pada pertemuan itu pemimpin-pemimpin gereja memberi reaksi positif dalam menerima dasar-dasar kerajaan dan menyifatkan pertemuan itu sebagai amat menguntungkan kedua-dua pihak.

-- BERNAMA

NT JS AHH